



## SIARAN MEDIA

### PERTANDINGAN WACANA KESELAMATAN ICT SEMARAK SIKAP ETIKA SIBER DALAM GENERASI MUDA DIGITAL MALAYSIA

**CYBERJAYA, 19 OKTOBER 2022** – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar dan teknikal keselamatan siber di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) hari ini menganjurkan Pertandingan Akhir Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan – Piala Cabaran CyberSAFE™ 2022 (*National ICT Security Discourse - CyberSAFE™ Challenge Trophy*), ringkasnya NICTSeD 2022.

NICTSeD merupakan wacana keselamatan ICT dalam aliran bahasa Inggeris yang dianjurkan pada setiap tahun oleh CyberSecurity Malaysia, dan telah berlangsung sejak 2013. NICTSeD 2022 diadakan dengan kerjasama Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan disokong oleh rakan strategik seperti Bank Muamalat Malaysia Berhad, DiGi Telecommunications, Syntx Sdn Bhd, dan Aerodyne. Pertandingan ini terbuka kepada semua murid sekolah menengah di bawah KPM dari seluruh negara.

Sebanyak 104 buah sekolah menengah telah menghantar penyertaan. Semua penyertaan tersebut melalui proses pemilihan dan tiga peringkat saringan, iaitu Octo-Final pada 5 hingga 7 Oktober 2022, Suku Akhir pada 11 Oktober 2022, dan separuh akhir pada 17 Oktober 2022. Pertandingan peringkat akhir pula berlangsung pada 19 Oktober 2022 yang diadakan di Dewan Serbaguna, Menara Cyber Axis, Cyberjaya.

Dalam ucapan pada Pertandingan Akhir dan Majlis Penyampaian Hadiah, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi Zainul Abidin berkata, “Pendidikan keselamatan siber harus bermula sejak peringkat awal usia. Generasi muda harus mempelajari asas-asas untuk kekal selamat dalam talian, tahu membezakan antara tetapan awam dengan peribadi bagi memastikan keselamatan maklumat peribadi mereka, dan memahami bahawa gambar atau komen yang dimuat naik di Internet akan membentuk jejak digital yang tidak boleh dipadam sepenuhnya. Mereka juga harus mempelajari etika siber, seperti menghormati dan memamerkan tingkah laku dalam talian yang sesuai selain mengetahui kaedah membuat pelaporan ancaman siber seperti buli siber atau tingkah laku lain yang tidak sesuai.”

“Selain itu, generasi muda harus memahami cara-cara penjenayah siber menggunakan teknik kejuruteraan sosial untuk mengeksplorasi emosi manusia. Maka itu, kita perlu memastikan generasi muda belajar mengenai tatacara menggunakan teknologi dan Internet secara positif dan selamat. Hanya melalui pendidikan yang efektif serta asas keselamatan siber yang kukuh, kita akan berupaya membina warga digital generasi muda yang bertanggungjawab,” demikian tambah Datuk Zahidi.

Peringkat Akhir NICTSeD 2022 hari ini menyaksikan tiga sekolah, iaitu SMK Alor Akar, Pahang; SMK Sultan Abu Bakar dan SMK Aminuddin Baki, Kuala Lumpur berentap merebut gelaran juara NICTSeD dengan tajuk “*The nation is in dire need of effective governance to address cybersecurity issues. Propose a Cyber Hygiene programme which could be carried out.*”

NICTSeD Edisi ke-9 telah menobatkan SMK Alor Akar sebagai juara keseluruhan selepas berjaya membentangkan hujah dan meyakinkan barisan panel juri yang terdiri daripada pakar bidang keselamatan siber, guru serta wakil CyberSecurity Malaysia. Juara NICTSeD 2022 membawa pulang Piala Cabaran CyberSAFE™, berserta Piala Menteri Komunikasi dan Multimedia dan wang tunai berjumlah RM5,000.00.

Tempat kedua, SMK Aminuddin Baki pula menerima Piala Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, hadiah wang tunai berjumlah RM3,000.00 manakala tempat ketiga, SMK Sultan Abu Bakar membawa pulang Piala Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia serta wang tunai berjumlah RM1,000.00. Semua pemenang turut menerima plak dan sijil penyertaan daripada pihak penganjur.

NICTSeD merupakan salah satu inisiatif CyberSecurity Malaysia di bawah program “CyberSAFE™ In Schools” yang diadakan khusus bagi memupuk kesedaran dan membina pengetahuan generasi muda, khususnya murid sekolah tentang kepentingan keselamatan siber, penggunaan teknologi serta Internet secara beretika, positif dan bertanggungjawab.

Penglibatan murid sekolah dalam pertandingan NICTSeD dilihat berupaya untuk meningkatkan kemahiran mereka dari aspek komunikasi dan penyelidikan selain membina keyakinan seterusnya mempersiapkan diri mereka menghadapi cabaran pada masa hadapan.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat**  
**CyberSecurity Malaysia**